

## INTEGRATING THE THEORY OF HUMAN DEVELOPMENT WITH THE IMPLEMENTATION OF ZAKAT IN MALAYSIA

### INTEGRASI TEORI PEMBANGUNAN MANUSIA DAN PELAKSANAAN ZAKAT DI MALAYSIA

Mohd Taqiyuddin Che Hassan<sup>i</sup>, Mohd Hafiz Abdul Wahab<sup>ii</sup>, Faezy Adenan<sup>iii</sup> & Mohd Zaid Mustafar<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> Calon Pelajar Phd, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM). 2023994397@student.uitm.edu.my

<sup>ii</sup> (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM). hafiz313@uitm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM). faezyadenan@uitm.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM). zaidmustafar@uitm.edu.my

*Article Progress*

Received: 6 June 2025

Revised: 1 July 2025

Accepted: 12 July 2025

<b>Abstract</b>	<p><i>Human development is a framework that emphasizes the improvement of individual capabilities in terms of health, education and standards of living, as outlined in the Human Development Index (HDI) by UNDP in 1990. From the Islamic point of view, zakat serves as an economic and social instrument that not only aims to help the needy, but also contributes to sustain and empower human life. The objective of this study is to examine the theory of human development through the implementation of zakat in Malaysia. Qualitative method analysis are being used in this study for data collection. Next, descriptive methods are used to analyse the data. Through critical analysis of various literature review inclusive of the zakat institutional reports, academic journals and human development reports. This study found out that there is a significant and positive relationship between effective zakat distribution by state Islamic religious councils towards the higher living standards of the asnaf. Zakat that is distributed systematically and effectively in the form of educational, health, entrepreneurship and skills development assistance is seen to be able to contribute to the major dimensions of human development. It is also suggested that future studies be more empirical in nature to further strengthen the understanding of the impact of zakat on human development at the national level based on the theory that has been formed.</i></p> <p><b>Keywords:</b> Zakat, Zakat Distribution, Institution, Human Development Index (HDI)</p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Pembangunan manusia merupakan suatu kerangka yang menekankan peningkatan keupayaan individu dari aspek kesihatan, pendidikan dan taraf hidup, sebagaimana yang digariskan dalam Indeks Pembangunan Manusia (IPM) oleh UNDP pada tahun 1990. Dalam konteks Islam, zakat berperanan sebagai instrumen ekonomi dan sosial yang bukan sahaja bertujuan membantu golongan memerlukan, tetapi juga menyumbang kepada pemerkasaan hidup secara berterusan. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji teori pembangunan manusia berdasarkan kepada pelaksanaan zakat di Malaysia.</i></p>

	<p><i>Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan metod analisis kandungan bagi pengumpulan data. Seterusnya, kaedah deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Melalui analisis kritikal terhadap pelbagai sumber literatur terdahulu, termasuk laporan institusi zakat, jurnal akademik dan laporan pembangunan manusia. Kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara agihan zakat yang berkesan oleh Majlis Agama Islam Negeri dengan peningkatan taraf hidup golongan asnaf. Zakat yang diagihkan secara sistematis dan berkesan dalam bentuk bantuan pendidikan, kesihatan, keusahawanan dan pembangunan kemahiran dilihat mampu menyumbang kepada dimensi utama pembangunan manusia. Turut dicadangkan pada kajian akan datang adalah lebih bersifat kepada kajian empirikal bagi mengukuhkan lagi pemahaman kesan zakat terhadap pembangunan manusia di peringkat negara berasaskan kepada teori yang telah dibentuk.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Zakat, Agihan Zakat, Institusi, Indeks Pembangunan Manusia (IPM)</i></p>
--	--

## PENDAHULUAN

Pembangunan manusia adalah konsep yang memberi tumpuan kepada peningkatan keupayaan serta potensi individu dalam pelbagai dimensi kehidupan, termasuk kesihatan, pendidikan dan juga taraf hidup. Konsep ini telah diperluaskan oleh Sen (1999) melalui pendekatan “capability” yang menumpukan kepada aspek kebebasan individu untuk menjalani kehidupan yang bernilai. Dalam konteks global, Indeks Pembangunan Manusia (*Human Development Index - HDI*) telah diperkenalkan oleh UNDP (1990; 2023) dan kini telah menjadi indikator utama dalam menilai prestasi pembangunan sesebuah negara berdasarkan kepada tiga dimensi utama iaitu kesihatan, pendidikan dan pendapatan (Ul-haq, Mahbub, 1995).

Berdasarkan kepada kerangka pembangunan Islam, zakat merupakan instrumen ekonomi yang bukan sahaja bertujuan untuk menyalurkan bantuan kepada golongan memerlukan, tetapi turut berperanan sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan serta alat pemerkasaan sosial (Suprayitno, 2020). Zakat mengandungi dimensi spiritual dan sosial yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan insan secara holistik (Kahf, 1999). Oleh itu, potensi zakat untuk menyumbang kepada pembangunan manusia sejajar dengan *Maqasid Syariah* amat signifikan dalam konteks negara Islam seperti Malaysia. Pelaksanaan zakat di Malaysia telah berkembang baik dengan sistem pengurusan zakat yang tersusun dan sistematis di bawah seliaan Majlis Agama Islam Negeri. Hasil kutipan zakat telah menunjukkan peningkatan pada setiap tahun (JAWHAR, 2024) dan ini menunjukkan keyakinan umat Islam terhadap sistem pengurusan zakat di Malaysia. Namun demikian, perbahasan akademik berterusan mengenai sejauh mana pelaksanaan zakat berjaya meningkatkan dimensi-dimensi pembangunan manusia seperti pendidikan, kesihatan, dan taraf hidup golongan asnaf masih tetap dibahaskan sehingga ke hari ini. Justeru, integrasi antara teori pembangunan manusia dan pelaksanaan zakat di Malaysia perlu diberi perhatian dalam usaha memahami serta menilai impak sebenar zakat terhadap pembangunan manusia.

Kajian ini bertujuan untuk meninjau hubungan di antara teori pembangunan manusia dan pelaksanaan zakat di Malaysia dengan menilai bagaimana agihan zakat dapat menyokong dimensi yang terdapat dalam Indeks Pembangunan Manusia (IPM). Penilaian ini adalah penting untuk memastikan bahawa pelaksanaan zakat bukan sahaja mencapai objektif sosial jangka pendek tetapi juga menyumbang kepada pembangunan negara bagi jangka masa panjang dan mampan. Berikut merupakan golongan asnaf yang berhak menerima agihan zakat sebagaimana yang telah dinyatakan dalam surah al-Taubah, ayat 60:

إِنَّمَا الصَّدَقَةُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْمِنَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الْرِّتَابِ وَالْغُرِيمَةِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنَى  
الْسَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya, "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dixinangkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.)" (Al-Taubah: 60).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan kepada kaedah analisis kandungan bagi meneliti hubungan antara teori pembangunan manusia dan pelaksanaan zakat di Malaysia. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan pemahaman yang mendalam terhadap isu yang dikaji melalui penilaian sistematis terhadap dokumen, laporan dan sumber literatur yang relevan. Reka bentuk kajian adalah berbentuk kajian perpustakaan (library research) yang memberi tumpuan kepada pengumpulan dan analisis data sekunder daripada pelbagai sumber ilmiah. Sumber data utama merangkumi dokumen rasmi agensi zakat seperti laporan tahunan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), laporan pembangunan manusia oleh United Nations Development Programme (UNDP), jurnal akademik berkaitan ekonomi Islam dan pembangunan sosial, serta dokumen dasar yang berkaitan dengan pembangunan manusia dan pengurusan zakat di Malaysia.

Kaedah analisis kandungan digunakan bagi menilai kandungan teks secara sistematis dan objektif, bertujuan mengenal pasti tema-tema utama, pola pelaksanaan, serta keberkesanannya agihan zakat dalam menyokong dimensi pembangunan manusia seperti pendidikan, kesihatan, pendapatan dan keusahawanan. Analisis ini membolehkan penulis membina hubungan antara teori pembangunan manusia yang digariskan oleh Indeks Pembangunan Manusia (IPM) dengan pelaksanaan zakat secara praktikal oleh institusi zakat di Malaysia. Selain itu, kaedah analisis deskriptif turut digunakan untuk menggambarkan dapatan kajian secara naratif dan menyeluruh. Penekanan diberikan kepada bagaimana bentuk-bentuk agihan zakat dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup asnaf, sejajar dengan matlamat pembangunan manusia menurut perspektif Islam dan konvensional.

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

### TEORI PEMBANGUNAN MANUSIA

Teori pembangunan merupakan teori utama dalam pelbagai disiplin ilmu khususnya disiplin sains sosial. Teori ini berkembang pada aspek pembangunan dan lebih khusus kepada aspek pembangunan ekonomi atau pertumbuhan ekonomi. Istilah "pembangunan" ditakrifkan sebagai proses yang menyebabkan sesuatu berkembang, matang, lebih maju atau lebih teratur (Oxford Dictionary, 1989). Pembangunan ekonomi adalah merujuk kepada proses penduduk sesebuah negara atau wilayah yang menggunakan sumber-sumber sedia ada untuk menghasilkan pertambahan dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan perkapita secara berterusan (Mannan, 1993). Menurut Meier & Rauch (2000), pembangunan ekonomi adalah proses perubahan struktur ekonomi, sosial serta institusi yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi untuk tempoh jangka masa panjang dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat. Pembangunan ekonomi yang baik adalah dengan peningkatan pendapatan perkapita, pengurangan kadar kemiskinan, penambahbaikan infrastruktur, dan peningkatan produktiviti dalam pelbagai sektor ekonomi (Meier & Rauch, 2000; Rahim et al., 2021). Pembangunan ekonomi bukan hanya

tertumpu kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata, tetapi turut merangkumi aspek kesejahteraan sosial seperti kesihatan, pendidikan, keadilan sosial, dan kelestarian alam sekitar (Sachs, 2005; Eren & Kaynak, 2017).

Konsep pembangunan menurut ekonomi Islam adalah jauh lebih luas daripada konsep pembangunan dalam ekonomi konvesional. Ini adalah kerana asas pembangunan dalam Islam adalah terbina daripada pelbagai bentuk dimensi yang terdiri daripada dimensi moral, sosial, politik dan ekonomi. Manakala pembangunan moral dan spiritual merupakan asas utama dalam aspek pembangunan ekonomi sejak dari mula lagi dan ianya merujuk kepada konsep "*Tazkiyah al-nafs*" (Mannan, 1993). Pengertian pembangunan pada dasarnya bergantung pada paradigma sesuatu tempat ianya digunakan, baik sebagai ilmu pengetahuan maupun sebagai dasar pelaksanaan. Perbezaan unsur utama ini memberi implikasi sistematik terhadap aspek derivatif ekonomi seperti rujukan, subjek, objek, objektif, prosedur dan strategi dalam melaksanakannya (Abdul Rahim et al., 2022). Perkara yang sama juga turut dijelaskan oleh Chapra (2000) bahawa sistem ekonomi pada asasnya ditentukan oleh pandangan dunia dalam menangani persoalan bagaimana alam semesta muncul, makna dan tujuan hidup manusia, pemilikan dan tujuan yang terhad. Sumber yang manusia miliki, dan hubungan manusia antara satu sama lain (melibatkan hak dan kewajipan) serta persekitaran manusia.


Pembangunan ekonomi berdasarkan kepada persepektif Islam bukan hanya melihat kepada aspek material semata-mata bahkan aspek kerohanian dan moral merupakan agenda utama dalam pembangunan ekonomi dan ianya adalah merujuk kepada "*takaful*" dan "*tadhamun*" ataupun jaminan sosial bersama dalam Islam (Mannan, 1993). Dengan tingkat keimanan yang tinggi dalam agama Islam telah mendorong seseorang itu untuk terus berusaha dalam bekerja dan secara tidak langsung mempengaruhi gelagat sebenar bagi umat Islam untuk terus berkerja dan berusaha. Kekayaan ekonomi juga dapat diransang dan seterusnya dapat mempercepatkan aktiviti pembangunan ekonomi. Dari aspek pembayaran zakat, pinjaman kebajikan dan bantuan secara sukarela maupun dipaksa dalam kalangan keluarga dan masyarakat membawa faedah daripada dua aspek. Hal ini bukan hanya memberikan faedah kebendaan terhadap penerima semata-mata, tetapi ianya juga turut memberikan faedah kepada pemberi iaitu dari sudut aspek moral dan sosial.

Pendekatan dalam aspek pembangunan berdasarkan kepada teori ekonomi kapitalis telah melalui beberapa fasa peralihan. Sebelum pelaksanaan Indeks Pembangunan Manusia (IPM) pada tahun 1990, paradigma pembangunan yang berlaku pada masa itu berorientasikan aspek pengeluaran (1960), kemudian pada tahun 70-an ia berorientasikan kepada pengagihan hasil pembangunan dan pada tahun 80-an pembangunan ditekankan kepada penggunaan keperluan asas sehingga kemuncak pembangunan 90-an berorientasikan kualiti sumber manusia. Pembangunan manusia merupakan salah satu konsep untuk mengukur pembangunan di sesebuah negara atau wilayah. Konsepnya lebih tertumpu kepada aspek pembangunan manusia sebagai subjek pembangunan. Andaian yang dikemukakan dalam konsep ini ialah pembangunan sumber manusia yang berkualiti adalah jauh lebih penting dan lebih memberi impak positif daripada sekadar menjadikan manusia sebagai objek pembangunan (Ul-Haq, Mahbub 1995).

Namun demikian, tumpuan kepada aspek pembangunan kontemporari pada masa kini adalah inisiatif dalam pembentukan model pembangunan manusia dengan penekanan terhadap aspek perkembangan pilihan manusia dan mengiktiraf pada kawasan yang terjejas dalam mengecapi tingkat pembangunan manusia. Pengukuran pembangunan bukan hanya dilihat kepada pengembangan harta dan kekayaan yang dimiliki oleh masyarakat, tetapi ianya turut dilihat daripada aspek perkembangan manusia dalam membuat pilihan (Mohammed Ayasrah, 2012). Indeks IPM dibangunkan oleh Ul Haq, Mahbub (1995) dan kemudiannya digunakan sebagai alat pengukur kepada tahap pembangunan sesebuah negara di bawah pemantauan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa (UNDP) sejak tahun 1990 (The Economic Times, 2023). IPM adalah ukuran ringkas kepada pembangunan manusia dan pengukuran dibuat berdasarkan kepada

pencapaian purata dalam negara (UNDP, 2023). Manakala di Malaysia, IPM dikenali sebagai Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) yang meliputi tiga dimensi utama iaitu (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023):


1. Umur yang panjang dan kehidupan yang sihat dengan merujuk kepada indeks jangka hayat;
2. Akses kepada pengetahuan iaitu berdasarkan kepada jangkaan persekolahan dan purata tahun persekolahan; dan
3. Taraf hidup yang baik iaitu merujuk kepada tingkat Keluaran Negara Kasar (KNK) perkapita.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2023)

Rajah 1: Dimensi, Indikator & Indeks Dimensi IPRM


Berdasarkan kepada rajah 2, indeks IPRM telah menggunakan skala 0 (tahap pembangunan manusia terendah) sehingga ke tahap 1 (tahap pembangunan manusia tertinggi). Indeks IPRM telah dibahagikan kepada tiga bahagian dalam menentukan tahap penilaian di mana IPRM rendah antara 0 sehingga 0.5. Manakala IPRM sederhana adalah antara 0.51 sehingga 0.79 dan seterusnya IPRM yang tinggi pula adalah merujuk kepada 0.8 sehingga 1.0. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023).



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023

Rajah 2: Skala Indeks Pembangunan Manusia (IPRM)

Rajah 3 menunjukkan kerangka teori kajian yang telah dibentuk bertujuan untuk melihat beberapa elemen penting yang menjadi asas kepada tingkat pembangunan manusia akibat daripada hasil perolehan kutipan zakat di Malaysia. Kerangka teori ini adalah berasaskan kepada tiga dimensi utama yang menjadi penyumbang kepada penentuan dalam IPM iaitu tahap kesihatan yang merujuk kepada jangka hayat, akses kepada pengetahuan, taraf hidup yang baik dan yang terakhir adalah hasil kutipan zakat sebagai alat sokongan dalam meningkatkan IPM di Malaysia. Dengan wujudnya empat gabungan utama ini sebagai penggerak kepada pembangunan manusia di Malaysia, maka kesan pengganda yang bakal diperoleh akan menjadi penyumbang kepada kemakmuran pembangunan masyarakat di Malaysia.



Zakat dan teori pembangunan manusia berkongsi matlamat asas yang sama, iaitu untuk meningkatkan kesejahteraan individu dan membolehkan mereka menjalani kehidupan yang bermakna dan produktif. Teori pembangunan manusia yang diketengahkan oleh Sen (1999) menekankan pentingnya membina keupayaan (*capabilities*) individu dalam aspek kesihatan, pendidikan dan kebebasan ekonomi. Dalam konteks ini, zakat berfungsi sebagai satu bentuk intervensi sosial dengan menyasarkan kepada kelompok yang kurang berkemampuan agar mereka dapat keluar daripada kitaran kemiskinan dan membina kehidupan yang lebih baik. Di Malaysia, pelaksanaan zakat yang merangkumi bantuan pendidikan, perubatan, perumahan dan keusahawanan jelas menunjukkan peranan zakat sebagai instrumen pembangunan manusia. Melalui pengagihan zakat yang strategik, individu bukan sahaja menerima bantuan kewangan jangka pendek, tetapi juga akses kepada peluang jangka panjang seperti pendidikan dan latihan kemahiran. Ini memberi kesan langsung kepada peningkatan taraf hidup, kebolehan

menjana pendapatan sendiri dan pengurangan kebergantungan kepada bantuan sosial. Oleh itu, integrasi antara pelaksanaan zakat dan pendekatan pembangunan manusia perlu diteruskan dengan lebih sistematis dan berdasarkan bukti empirikal. Ini penting bagi memastikan zakat memberi impak menyeluruh ke atas dimensi pembangunan insan, khususnya dalam aspek pendidikan, kesihatan dan ekonomi, seajar dengan keperluan masyarakat semasa dan cabaran masa depan.

### **PENGUKURAN ZAKAT TERHADAP TINGKAT PEMBANGUNAN MANUSIA**

Pembangunan manusia merupakan aspek penting dalam penilaian kemajuan bagi sebuah negara dengan penekanan tertumpu kepada peningkatan keupayaan individu untuk hidup sihat, berpengetahuan dan mencapai taraf hidup yang baik. Konsep ini telah diperkenalkan secara formal melalui Indeks Pembangunan Manusia (IPM) oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) pada tahun 1990 (UNDP, 1990) dengan menggabungkan tiga dimensi utama iaitu kesihatan, pendidikan dan pendapatan. Pendekatan ini dilihat sebagai alternatif yang lebih menyeluruh berbanding dengan ukuran tradisional seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata. Dalam konteks ekonomi Islam, zakat bukan sahaja merupakan kewajipan ibadah, tetapi turut berperanan sebagai bentuk agihan semula kekayaan yang bertujuan untuk menyokong kesejahteraan sosial dan mengurangkan ketidaksamarataan. Pelaksanaan zakat yang sistematis berpotensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan manusia, terutamanya dalam kalangan golongan asnaf yang merupakan kumpulan sasar yang paling memerlukan bantuan. Di Malaysia, zakat diurus secara berpusat oleh institusi-institusi zakat negeri di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri, dengan kutipan yang meningkat saban tahun (JAWHAR, 2024).

### **Hubungan Zakat Terhadap Kehidupan Yang Sihat**

Dalam konteks pembangunan manusia yang berteraskan kepada dimensi kesihatan, ianya merupakan salah satu komponen utama yang menyumbang kepada kualiti hidup masyarakat. Seiring dengan matlamat *Maqasid Syariah*, khususnya dalam memelihara nyawa (*hifz al-nafs*), agihan zakat kepada keperluan kesihatan asnaf memainkan peranan signifikan dalam meningkatkan tahap kesejahteraan masyarakat berpendapatan rendah. Agihan semula kekayaan dalam bentuk bantuan kesihatan adalah bertujuan untuk mendapatkan kemudahan kesihatan yang lebih baik khususnya para golongan asnaf.

Justeru, pelbagai kajian empirikal telah dijalankan bagi menilai keberkesanannya agihan zakat terhadap dimensi kesihatan, sama ada melalui bantuan kewangan perubatan, sokongan rawatan penyakit kronik, maupun pembangunan infrastruktur kesihatan. Berdasarkan kepada kajian Zulkifli dan Nor (2017), agihan zakat kesihatan di Selangor, khusus kepada golongan asnaf yang menghidap penyakit kronik seperti buah pinggang dan kencing manis. Dapatan menunjukkan bahawa bantuan zakat dalam bentuk kos rawatan dialisis dan pembelian ubat-ubatan membantu meningkatkan taraf kesihatan penerima dan mengurangkan tekanan kewangan isi rumah. Kajian ini menyokong pandangan bahawa zakat boleh bertindak sebagai jaringan keselamatan sosial dalam sektor kesihatan. Manakala berdasarkan kepada analisis panel oleh Hasan dan Abdullah (2022), data dari sembilan negeri di Malaysia dianalisis untuk tempoh 2010 hingga 2020. Kajian mendapati bahawa negeri yang mempunyai agihan zakat kesihatan yang tinggi menunjukkan peningkatan dalam indikator kesihatan seperti jangka hayat dan penurunan kadar kematian ibu bersalin. Ini menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara zakat dan tingkat kesihatan populasi miskin. Sementara itu, kajian oleh Mansor dan Mat (2010) menghubungkan agihan zakat dengan Indeks Pembangunan Manusia (IPM), yang mana dimensi kesihatan diukur melalui jangka hayat. Kajian ini mendapati bahawa peningkatan agihan zakat kepada fakir miskin yang memerlukan rawatan perubatan mempunyai korelasi positif dengan peningkatan skor IPM negeri. Menurut Abdullah & Suhaib (2011), zakat bukan semata-mata satu ibadah ritual, tetapi memiliki fungsi sosial dan ekonomi yang signifikan. Dalam kerangka pembangunan manusia, zakat dilihat sebagai satu mekanisme agihan semula (*redistributive mechanism*) yang mampu mengurangkan ketidaksamaan dan

menggalakkan mobiliti sosial. Ini turut dibuktikan dalam kajian oleh Noor & Ghani (2021), sebanyak 68 peratus penerima bantuan perubatan zakat di Selangor melaporkan peningkatan kemampuan akses kesihatan dan 41 peratus melaporkan beban kewangan keluarga dapat dikurangkan.

Zakat mempunyai peranan yang signifikan dalam meningkatkan tahap kesihatan masyarakat. Agihan zakat kepada golongan asnaf yang tidak mampu membiayai rawatan atau akses kepada penjagaan kesihatan boleh membantu meningkatkan jangka hayat dan mengurangkan kematian akibat penyakit yang boleh dicegah. Sesetengah institusi zakat turut membiayai pembangunan klinik, program kesihatan komuniti serta membiayai bantuan perubatan dan ubat-ubatan. Hal ini secara tidak langsung dan menyumbang kepada peningkatan dalam IPM yang berteraskan kepada dimensi kesihatan. Dalam pada itu juga, agihan zakat dalam pembangunan kesihatan juga adalah selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari ke-3 (SDG 3): Kesihatan yang baik dan kesejahteraan (*Ensure healthy lives and promote well-being for all at all ages*) (Islamic Research & Training Institute, 2017). Beberapa kajian telah membuktikan bahawa penerima zakat yang menerima bantuan dalam bentuk bantuan kesihatan telah menunjukkan peningkatan dalam kualiti hidup dan jangka hayat.

### **Hubungan Zakat Terhadap Akses Kepada Pengetahuan**

Pembangunan manusia melalui akses kepada ilmu pengetahuan juga turut diklasifikasikan sebagai pelaburan hayat jangka masa panjang demi memastikan golongan buruh mahir dapat dibentuk serta membuka peluang pekerjaan untuk masyarakat setempat (Yusoff, 2011). Menurut W. Schultz (1961) dan Becker (1964), pembangunan modal insan merupakan penentu kepada pertumbuhan ekonomi. Antara aspek utama yang perlu diberi penekanan dalam pengagihan hasil kutipan zakat kepada penerima yang layak (*al-mustahik*) agar golongan ini sentiasa terbela dan dipelihara. Oleh yang demikian, pelbagai program perlu dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan hasil kutipan zakat yang telah dikumpul berjaya diagihkan dengan lebih berkesan. Ini adalah penting bagi memastikan peningkatan kualiti hidup untuk setiap penerima zakat dapat dicapai. Maka, secara tidak langsung dapat membantu golongan asnaf untuk meringankan beban kehidupan yang mereka dihadapi dan seterusnya dapat meningkatkan tahap kesejahteraan hidup para golongan asnaf yang telah ditetapkan (Meerangani, 2019).

Pendidikan adalah salah satu indikator utama Indeks Pembangunan Manusia (IPM) dan juga komponen penting dalam pembangunan ekonomi jangka panjang. Agihan zakat dalam bentuk biasiswa, pembiayaan pengajian, peralatan sekolah dan kelas bimbingan meningkatkan tahap pendidikan dan memperkuuh keupayaan produktiviti tenaga kerja masa depan (Wahab & Rahman, 2011). Dalam konteks ini, zakat memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan akses, kualiti, dan kesetaraan pendidikan, terutamanya bagi golongan asnaf. Zakat yang disalurkan untuk pendidikan bukan sahaja membantu pelajar mengakses pembelajaran, tetapi turut melayakkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat. Menurut Hassan & Khan (2007), pelaburan zakat dalam pendidikan membawa pulangan jangka panjang yang tinggi dari sudut peningkatan produktiviti dan kesejahteraan ekonomi individu. Bahkan menurut dapat kajian yang dibuat oleh Saad & Farouk (2019) telah mendapat terdapat hubungan positif yang signifikan antara perbelanjaan zakat pendidikan dan peningkatan IPM di beberapa negara Islam. Ini menunjukkan bahawa, apabila pendidikan asnaf diperkasa, bukan sahaja skor IPM dapat ditingkatkan, tetapi kesejahteraan masyarakat juga dapat dicapai secara inklusif dan berterusan. Justeru, pengurusan dan pengagihan zakat harus terus diperkasakan sebagai instrumen pembangunan insan yang kritikal dalam agenda pembangunan negara dan ummah.

Zakat memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan akses kepada pengetahuan, khususnya dalam kalangan golongan asnaf dan komuniti berpendapatan rendah. Melalui agihan zakat dalam bentuk bantuan pendidikan, biasiswa, sokongan pembelajaran, dan program latihan kemahiran, zakat telah membantu mengurangkan

halangan kewangan yang sering menjadi punca utama keciciran dalam pendidikan. Ini sekaligus menunjukkan bahawa zakat bukan hanya menyelesaikan keperluan asas semasa, tetapi juga membuka jalan kepada pembangunan modal insan jangka panjang. Dari perspektif pembangunan manusia, pendidikan adalah salah satu komponen utama dalam Indeks Pembangunan Manusia (IPM). Maka, sokongan zakat terhadap pendidikan secara langsung menyumbang kepada peningkatan nilai IPM bagi sebuah masyarakat atau negara. Akses kepada ilmu pengetahuan bukan sahaja memperkasa penerima zakat dari segi akademik dan kemahiran, tetapi turut meningkatkan peluang mobiliti sosial serta kebolehan untuk menjana pendapatan sendiri secara berterusan.

### **Hubungan Zakat Terhadap Taraf Hidup Yang Lebih Baik**

Dalam konteks pembangunan ekonomi moden, keberkesanan sesuatu sistem tidak hanya dinilai berdasarkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tetapi juga melalui pencapaian IPM. Zakat menggalakkan keadilan sosial dan kesaksamaan ekonomi dengan menyediakan jaringan keselamatan untuk golongan kurang berkemampuan (Ismail & Ali, 2023). Instrumen zakat merupakan instrumen terpenting dalam mengurangkan kadar kemiskinan serta yang berkaitan dengannya. Objektif program pembangunan ekonomi adalah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan fakir miskin serta mampu melahirkan golongan fakir miskin yang mampu berdikari dalam menceburti bidang keusahawanan agar mereka tidak lagi bergantung kepada bantuan zakat tunai sepanjang masa (Adnan & Roselam, 2018). Inovasi dalam bentuk pengagihan juga adalah penting bagi bertujuan untuk meningkatkan peranan zakat dalam bentuk penggunaan yang lebih besar dan seterusnya dapat mencapai konsep *Maqasid Syariah* demi memastikan kualiti hidup fakir dan miskin dipertingkatkan (Akmal et al., 2020). Oleh itu, penggunaan hasil kutipan zakat berperanan dalam pengagihan semulakekayaan terhadap masyarakat Islam dan seterusnya dapat memastikan mereka yang mempunyai lebihan kekayaan dapat berkongsi sebahagian kekayaan yang mereka miliki. Oleh itu, jurang pendapatan dalam kalangan asnaf fakir dan miskin dapat dikurangkan. Bahkan hasil kutipan zakat yang diperoleh juga dapat dimanfaatkan oleh golongan asnaf dalam pelbagai bentuk pembangunan ekonomi demi meningkatkan taraf ekonomi golongan asnaf melalui penyediaan peluang-peluang perniagaan dan keusahawanan.

Hikmah pensyariatan zakat juga secara tidak langsung dapat mengelakkan penumpuan kekayaan dan aliran wang berada pada pihak tertentu sahaja dan hal ini akan mengakibatkan ekonomi menjadi lemah dan yang kaya semakin kaya, manakala yang miskin semakin miskin. Dengan wujudnya instrumen zakat dalam masyarakat, hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan penggunaan dalam kalangan golongan fakir dan miskin bagi memenuhi keperluan hidup mereka. Berdasarkan kepada teori gelagat pengguna, golongan fakir dan miskin mempunyai kecenderungan mengguna sut (MPC) yang tinggi berbanding dengan golongan kaya (Kadri et al., 2012). Realiti ini turut dibuktikan oleh Sharofiddin et al., (2019) yang mendapati sistem agihan zakat semasa di Selangor kurang berkesan terhadap peningkatan pendapatan golongan miskin. Ini menunjukkan dana zakat yang diperoleh hanya sekadar memenuhi tingkat perbelanjaan dalam pembelian barang keperluan asas hidup. Justeru, kesan pengagihan zakat yang cekap dan berkesan mampu meningkatkan permintaan agregat dalam negara melalui kegiatan ekonomi yang aktif dalam kalangan asnaf dan akhirnya berupaya menjana kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dengan pergerakkan aliran kewangan yang baik dalam pasaran turut dipengaruhi oleh kuasa beli dalam kalangan asnaf. Ini secara tidak langsung akan mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan terhadap masyarakat setempat termasuk juga dalam kalangan asnaf.

Zakat memberi nilai tambah kepada pembangunan masyarakat dengan membawa pendekatan yang bukan sahaja bersifat ekonomi, tetapi juga berteraskan nilai kemanusiaan dan kebersamaan. Keberhasilan zakat dalam meningkatkan taraf hidup membuktikan bahawa sistem ekonomi Islam menawarkan penyelesaian konkret terhadap masalah kemiskinan dan ketaksamarataan, selari dengan prinsip keadilan sosial. Oleh yang demikian, zakat memainkan peranan penting sebagai instrumen agihan semula kekayaan dalam

mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat, menyediakan kehidupan yang selesa dan seterusnya membawa kepada pembentukan negara yang berprestij pada masa akan datang (Rasool et al., 2020).

## PENUTUP

Secara keseluruhannya, integrasi antara teori pembangunan manusia dan pelaksanaan zakat di Malaysia telah menunjukkan potensi yang besar dalam memperkuat agenda pembangunan sosial dan ekonomi negara. Teori pembangunan manusia yang menekankan kepada peningkatan keupayaan individu melalui dimensi pendidikan, kesihatan dan taraf hidup yang baik adalah sejajar dengan matlamat pensyiaran zakat yang bukan sekadar membantu golongan miskin, tetapi turut memastikan golongan asnaf ke tahap yang lebih baik. Kajian-kajian terdahulu juga turut menyokong daptan bahawa zakat apabila dilaksana secara terancang dan bersasar mampu menyumbang kepada pembangunan manusia yang seimbang. Namun begitu, masih terdapat banyak jurang kajian dalam pelaksanaan dan pengukuran kesan zakat terhadap pembangunan manusia yang menuntut perhatian lanjut dalam bentuk bukti empirikal. Selain cabaran data yang terhad, pendekatan pelaksanaan zakat yang kadangkala bersifat reaktif dan tidak menyeluruh juga menyukarkan penilaian impak jangka masa panjang terhadap kesejahteraan masyarakat. Justeru, penting untuk menjadikan zakat bukan hanya sebagai alat agihan kekayaan semula, tetapi juga sebagai instrumen dasar pembangunan negara yang sejajar dengan nilai keadilan sosial dan pembangunan mampan.

## RUJUKAN

### Buku

- Becker, G.S. (1964). *Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis, with Special Reference to Education*. University of Chicago Press.
- Chapra, U. (2000). *Islam and Economic Development*. A. Basri (Pent.). Gema Insani Press.
- Mannan, M.A. (1993). *Ekonomi Islam Teori dan Praktis (Asas-asas Ekonomi Islam)*. Jilid 3. Dlm. Man. Z. (Peny.), Kader, R.A. (Pent.). A.S. Noordeen
- Meier, G. M., & Rauch, J. E. (2000). *Leading Issues in Economic Development*. 7th edition. Oxford University Press.
- Sachs, J. (2005). *The End of Poverty: Economic Possibilities for Our Time*. Penguin Press
- Sen, A. (1999). *Development as Freedom*. Oxford University Press.
- Ul Haq, Mahbub. (1995). *Reflections on Human Development*. Oxford University Press
- United Nations Development Programme (UNDP). (1990). *Human Development Report 1990*. Oxford University Press.
- Oxford University Press. (1989). *The Oxford English Dictionary*. (2nd ed.). (Vols. 1–20). Oxford University Press.

### Jurnal

- Abdullah, M. A., & Suhaib, A. Q. (2011). The Impact of Zakat on Social Life of Muslim Society. *Pakistan Journal of Social Sciences*, 30(2), 439–443.
- Adnan M., N. I. & Roselam C., M. A. (2018). Pengagihan Dana Zakat Dalam Bentuk Pembiayaan Mikro Untuk Usahawan Miskin di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 1-14.
- Akmal, I.K.B., Majid, M.S.A & Gunawan, E. (2020). Does Zakat Matter For Human Development? An Empirical Evidence From Indonesia. *Regional Science Inquiry*, 5(2), 195-208.
- Ayasrah M, T. M. (2012). The Social Economic Development Index: A New Measurement of Development. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(2), 37 – 53
- Eren, M., & Kaynak, S. (2017). An Evaluation of EU Member States According To Human Development and Global Competitiveness Dimensions Using The Multi-Period Grey

- Relational Analysis (MP-GRA) Technique. *Grey Systems: Theory and Application*, 7(1), 60-70.
- Hasan, H., & Abdullah, M. A. (2022). Exploring The Role of Zakat on Health And Education In Malaysia: A Panel Data Analysis. *Asian Journal of Islamic Management*, 4(1), 1-14.
- Hassan, M.K. & Khan, A. (2007). Zakat, Education and Poverty Alleviation. *Journal of Economic Cooperation*, 28(4), 1-38.
- Ismail M., M.N. & Ali, N. A. (2023). Konsep Asnaf Mualaf dan Had Pengukuran Mualaf. *Al-Basirah*, 3(1), 25-41.
- Mansor, N., & Mat, N. (2010). The Impact of Zakat Distribution on Human Development In Malaysia. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 6(2), 17-41.
- Meerangani, K. A. (2019). The Role of Zakat in Human Development. *Jurnal Sosial & Budaya Syar-i*, 6(2), 141-154.
- Noor, M.I., & Ghani, N.A. (2021). Impacts of Zakat-Based Health Assistance Programs on Human Development in Malaysia. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 3(2), 22-36.
- Rahim A., Z., Syofyan, S. & Esya, L. (2022). The Influence of The Islamic Human Development Index (I-HDI) on Human Development. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*, 9(3), 83 -103
- Rahim, S., Murshed, M., Umarbeyli, S., Kirikkaleli, D., Ahmad, M., Tufail, M., & Wahab, S. (2021). Do Natural Resources Abundance and Human Capital Development Promote Economic Growth? A Study on the Resource Curse Hypothesis in Next Eleven Countries. *Resources, Environment and Sustainability*, 4, 100018.
- Rasool A., M. S., Ahmad, S.N.A & Ali, S.M. (2020). Enhancing Household Well-Being Through Zakat Assistance: A Wealth Perspective. *International Journal of Zakat*, 5(2), 23-36.
- Saad, N.M. & Farouk, A.U. (2019). The Role of Zakat in Human Development: Evidence From Panel Data in OIC Countries. *International Journal of Ethics and Systems*, 35(4), 620-637.
- Sharofiddin, A., Othman, A.H.A. & Alhabshi, S.M.S.J. (2019). The Impact of Zakat Distribution on Social Welfare: A Case Study of Selangor Zakat Agencies, Malaysia. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, Special Issues, 147-167.
- Suprayitno, E. (2020). The Impact of Zakat on Economic Growth in 5 States in Indonesia. *International Journal of Islamic Banking and Finance Research*, 4(1), 1-7.
- W. Schultz, T. (1961). *Investment in Human Capital*. *The American Economic Review*, L1(1), 1-17.
- Wahab, N. A., & Rahman, A. R. A. (2011). Efficiency of Islamic Institutions: Empirical Evidence of Zakat Organizations in Malaysia. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 7(4), 95-118
- Yusoff, M. B. (2011). Zakat Expenditure, School Enrolment And Economic Growth in Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 2(6), 175 – 181.
- Zulkifli, W. S., & Nor, M. A. M. (2017). The Role of Zakat In Improving The Health Condition of Asnaf: A Case Study In Selangor. *International Journal of Zakat*, 2(3), 59-67

### Kertas Seminar

- Kadri, Z., Ahmad, S. & Noor, M.A.M. (2012). *Zakat Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) VII, Jilid 2, 4-6 Jun 2012, 1263-1273.
- Kahf, M. (1999). *The Performance of the Institution of Zakah in Theory and Practice*. The International Conference on Islamic Economics Towards 21st Century, 26 – 30 April 1999.

### Internet

- HDI dimensions and indicators. (2023). <https://hdr.undp.org/data-center/human-development-index#/indicies/HDI> (diakses pada 23 April 2025).

- What is 'Human Development Index'. (2023).  
<https://economictimes.indiatimes.com/definition/human-development-index> (diakses pada 23 April 2025).
- Statistik Kutipan Zakat Harta dan Fitrah. (2024).  
[https://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt\\_statistik\\_map.php](https://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt_statistik_map.php) (diakses pada 2 Mei 2025)
- Malaysia Human Development Index (MHDI) 2022. (2023).  
[https://www.dosm.gov.my/site/downloadrelease?id=malaysia-human-development-index-2022&lang=English&admin\\_view=#:~:text=MHDI%20comprises%20three%20dimensions%20namely,a%20decent%20standard%20of%20living.&text=The%20performance%20of%20the%20MHDI,compared%20to%200.806%20in%202021](https://www.dosm.gov.my/site/downloadrelease?id=malaysia-human-development-index-2022&lang=English&admin_view=#:~:text=MHDI%20comprises%20three%20dimensions%20namely,a%20decent%20standard%20of%20living.&text=The%20performance%20of%20the%20MHDI,compared%20to%200.806%20in%202021). (diakses pada 23 Mei 2025).
- Islamic Social Finance Report 2017 by Islamic Research & Training Institute. (2017).  
[https://www.researchgate.net/profile/Mohammed-Obaidullah/publication/325698377\\_IRTI\\_Islamic\\_Social\\_Finance\\_Report\\_2017/links/5b1ed117a6fdcc69745bf23a/IRTI-Islamic-Social-Finance-Report-2017.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Mohammed-Obaidullah/publication/325698377_IRTI_Islamic_Social_Finance_Report_2017/links/5b1ed117a6fdcc69745bf23a/IRTI-Islamic-Social-Finance-Report-2017.pdf) (diakses pada 23 Februari 2025).

**Penafian**

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.